

dup.



Jendela

BULETIN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN USM

BIL. 3, DISEMBER, 1991

Sekapur Sirih

Isu JENDELA yang akhir untuk tahun 1991 merupakan isu yang penuh nostalgia. Ruang Hal-ehwal Kakitangan dan Berita ASTAKA memaparkan tentang perpisahan dan persaraan. Penulisan *Echoes in my mind* oleh Sakinah Che Embi pula membayangkan detik-detik suka duka yang pernah dilalui dalam seabadnya di Perpustakaan ini.

JENDELA mengucapkan ribuan terima kasih dan Selamat Maju Jaya kepada Sakinah yang akan meninggalkan Perpustakaan dan berkhidmat pula di PORIM, Bangi.

Beliau telah menjadi ahli Sidang Pengarang JENDELA sejak isu pertama lagi dan banyak menyumbang dari segi tenaga, masa dan idea. Buletin kita ini akan kehilangan seorang yang telah bekerja dengan penuh dedikasi.

JENDELA juga terpaksa menerima perletakan jawatan seorang ahli Sidang Pengarangnya, Mary Vergis. Mary juga merupakan seorang ahli perintis Buletin ini dan telah bertungkus lumus menyediakan isu-isu yang lepas. Walaupun meletak jawatan sebagai ahli Sidang Pengarang, beliau "akan tetap memberi sokongan dan akan membantu dalam penerbitan JENDELA sekiranya perlu." Kepada Mary, JENDELA mengucapkan terima kasih daun keladi...

Sekaligus JENDELA mengucapkan Selamat Menyambut Deepavali dan Krismas kepada semua yang merayakannya. Tidak lupa juga diucapkan Selamat Tahun Baru 1992. Semoga segala resolusi baru akan membawa kesejahteraan dan kejayaan dalam hidup anda.

Rencana

KETAGIHAN BEKERJA BOLEH MUDARATKAN KESIHATAN

Bekerja sepanjang masa tanpa jangka masa rehat secukupnya boleh menyebabkan anda jatuh sakit kerana ketagihan bekerja secara fizikal boleh memudaratkan kesihatan.

Menurut pakar psikologi, ketagihan bekerja adalah antara faktor yang bukan saja boleh menyebabkan keletihan teruk, rosak pemikiran dan angin ahmar, malah turut menjadi punca lemah tenaga batin.

Penulis buku *Workaholics: respectable addicts*, Dr Barbara Killinger, berkata ketagihan bekerja juga menyebabkan seseorang terjerumus kepada ketagihan alkohol.

Di samping menjadi faktor dalam kebanyakan kes perceraian, ketagihan bekerja juga dikatakan menjadi punca tidur dan makan yang tidak teratur, barah, sakit jantung serta tekanan emosi yang ada kalanya membawa maut.

"Di Jepun, 10 peratus kematian pekerjaanya dikatakan berpunca daripada bekerja secara keterlaluan," kata Dr Killinger dari Toronto, Kanada.

Kandungan

Rencana	1
Laporan	4
Berita ASTAKA	9
Hal-Ehwal Kakitangan	9
Personaliti	10
Sumber Ilham	11

Sidang Pengarang

Norma Bahri (Ketua Pengarang)

Boey Fook Loong

Mary Vergis

Mohd. Idris Hj. Ali

Sakinah Che Embi


Lim Chee Hong (Penasihat)

Penghargaan kepada:

Rosni Habib (Pembantu khas)

S. Kirubananthan

UNTUK EDARAN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA SAHAJA



Ketagihan bekerja bukan hanya mengambil banyak waktu tetapi turut mempengaruhi psikologi hingga menyebabkan seseorang melakukan sesuatu pekerjaan itu secara terus menerus.

Penulis buku *Working ourselves to death*, Diane Fassel, berkata adrenalin (sejenis hormon) yang tersimpan dalam badan akan menjadi mangsa apabila anda mengalami ketegangan.

Badan akan menghasilkan adrenalin apabila seseorang itu bekerja melebihi had.

"Adrenalin akan memberi tindak balas positif kepada badan dan menyebabkan seseorang itu menjadi ketagih untuk terus bekerja," katanya.

Menurut pakar, seseorang itu boleh digolongkan sebagai ketagihan bekerja sekiranya:

- Tidak mengambil cuti rehat;
- Sering bekerja melebihi 40 jam seminggu;
- Sentiasa berfikir mengenai kerja; dan
- Tidak mempunyai masa langsung untuk bersosial.

Seseorang itu boleh menyelesaikan masalah ketagihan bekerja sekiranya:

- Dapat menyatakan "Tidak" jika tidak dapat memperuntukkan masa yang seimbang untuk perkara lain selain kerja;
- Meninggalkan kerja-kerja di pejabat dan melupakannya setelah berada di luar pejabat;

- Tidur sekurang-kurangnya enam jam setiap malam;
- Biasakan bersenam setiap hari atau berjalan kaki dalam tempoh yang panjang dan pantas.

Rencana susunan Azhar Abu Samah ini ialah petikan dari: *Berita Minggu*, 11 Ogos 1991, ms. 8.

ECHOES IN MY MIND

by Sakinah Che Embi

"I have learned that if you must leave a place that you have lived in and loved and where all your yesterdays are buried deep - leave it in any way except a slow way, leave it the fastest way you can. Never turn back and never believe that an hour you remember is a better hour because it is dead. Passed years seem safe ones, vanquished ones, while the future lives in a cloud, formidable from a distance. The cloud clears as you enter it ..." - Beryl Markham.

I would like to arm myself with this quotation and walk into the "clouds". It would be a lot easier to move on with my life. But deep down I know I can never bury my yesterdays because everyone can close their eyes to reality but not to memories (unless you have amnesia). In my years of service, I have seen achievements and progress, happy moments and sad ones too. However, like any other human when reflecting on memories only sweet ones remain. The friends I have made regardless of rank and the moments we all shared together, may it be in games, outings, other activities, even work - shall always remain an important aspect of my growing up years, one to be cherished.

As you walk down the 'corridor of life' you gain experiences - you discover friends can disappoint you and foes can astound you. There is no guarantee in life nor in friendship. This is part of the experiences I've gained working in this library, which I've discovered for myself.

Professionally I am indebted to Mr. Lim Chee Hong who has tirelessly corrected

my t's and i's, my colons and semi-colons and full-stops and has guided me all along. He has given me a lot of space to enable me to exercise creativeness, so much so I've gained enough confidence to try any aspect of library work given to me without turning into a nervous wreck before starting it. He showed me that "the cloud clears as you enter it" by giving me work which I thought I could not handle but eventually succeeded. For this I thank him.

To JENDELA committee members I would like to say 'It has been swell working with you all'.

To my senior colleagues, I would like to thank them for their concern and advice which they have always given me.

To my friends in the 'sports arena', I would like to say "Carry on playing, whether 'ceroi' or not is immaterial, the issue is to enjoy yourself and to get rid of stress which is the secret to a healthy and happy life." I shall miss playing games with you all dearly.

To my staff in Malaysiana, I thank you for the cooperation and dedication you have given me throughout the years and hope you will continue doing so.

To all my true friends 'Let's keep in touch'. With this, I close my chapter on "Growing Up Together". My chapter on "Growing Old" will start from 1st December 1991.

To everyone who has played a role in my life here, and to those who have touched my feelings by their sincerity and warmth, I thank you. I shall miss all of you and I hope you all will be blessed with good fortune, good health and happiness.

Common sense is instinct, enough of it is genius.

George Bernard Shaw

Laporan

PERPUSTAKAAN KANAK-KANAK PULAU PINANG

Pada bulan Jun 1991, sebuah Jawatankuasa Perpustakaan Kanak-Kanak Pulau Pinang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah naungan YB Puan Koh Tsu Koon, isteri Ketua Menteri Pulau Pinang.

Rangka tugas Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Zainab Abdul Kader ialah untuk menyelaraskan penyediaan perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti Perpustakaan Kanak-Kanak. Rashidah Begum, Masrah Haji Abidin dan Norma Bahri juga menjadi ahli dalam beberapa Jawatankuasa Kecil yang terlibat.

DEMONSTRASI PENCARIAN MAKLUMAT MELALUI CD-ROM

Pada 14 dan 15 Ogos 1991, Bahagian Rujukan telah mengadakan demonstrasi penggunaan CD-ROM untuk semua Kakitangan Ikhtisas dan Kerani Kanan Perpustakaan. Dua pangkalan data yang dilanggan, iaitu ERIC dan *Life Sciences Collection* ditunjukkan.

ERIC ialah pangkalan data pendidikan yang dikeluarkan oleh Educational Resources Information Center yang meliputi keluaran bibliografinya, iaitu CIJE (*Current Index to Journals of Education*) dan RIE (*Resources in Education*). Pangkalan data ini meliputi tahun 1966 hingga Jun 1991. Kita telah memperolehi pangkalan ini melalui salah satu vendor, iaitu Silver Platter.

Life Sciences Collection dikeluarkan oleh Compact Cambridge. Pangkalan data ini meliputi rekod dari 21 majalah berabstrak. Bidangannya ialah kajihayat, perubatan dan sains pertanian. Masa yang diliputi ialah dari tahun 1989 hingga Jun 1991.

Semasa demonstrasi, cara pencarian pangkalan data dan cara ceta kan darinya ditunjukkan. Demonstrasi telah dikendalikan oleh Fawzia Dawood.

**KURSUS PENGEMBLENGAN
UNTUK PEMBANGUNAN
KAKITANGAN (PUPUK XIII) KHAS
UNTUK PENGAWAI-PEGAWAI
KUMPULAN A**

oleh Abdul Rashid Baba

Ali Abdul Rahim (Cawangan Perak) dan saya telah mengikuti kursus tersebut pada 26 - 29 Ogos 1991, di Peranginan Gunung Jerai. Kursus dikendalikan oleh Bahagian Personel-Latihan (Jabatan Pendaftar) dengan kerjasama Unit Kaunseling, USM. Fasilitator kursus pula terdiri dari Tuan Haji Ramli Yusof (Ketua) - Presiden Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Encik Kamaruddin Haji Hassan (Bank Negara), Encik Ishak Junit dan Encik Wan Khair Wan Chik (Unit Kaunseling, USM).

Bilangan peserta adalah 21 orang yang dibahagikan kepada 3 kumpulan dengan seorang fasilitator setiap kumpulan.

Kursus ini merupakan satu kursus yang sangat baik lagi bermanfaat kepada semua dan ia adalah berbeza dengan kursus-kursus yang pernah diikuti. Ia dijalankan secara tersendiri dan bersifat universal kepada semua. Ia adalah pengalaman yang telah kita lalui dan bagaimana dapat kita memperbaiki diri kita supaya menjadi insan yang lebih memahami diri sendiri, diri orang lain dan sama-sama berusaha untuk mencapai satu matlamat yang progresif.

Di antara objektif kursus ini adalah untuk:

- Meningkatkan kesedaran peserta tentang kekuatan dan kelemahan diri
- Memupuk persefahaman dan kesanggupan berkongsi pengalaman di dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai satu pasukan
- Menyedarkan peserta tentang kepentingan profesionalisme dan kecemerlangan di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab
- Membolehkan peserta menerima kerja sebagai suatu ibadah, dan

- Mendedahkan kepada peserta kemahiran teknik kaunseling berkelompok.

Semasa mengikuti kursus tersebut, para peserta telah didedahkan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan alam pekerjaan, tindakan naluri semula jadi manusia serta aspek-aspek kehidupan seharian yang lain. Di antara proses yang telah dilalui ialah;

- Betapa pentingnya para peserta (sebagai pengawai) mengambil tahu dan peka terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja bawahannya
- Mendengar arahan dengan teliti dan mengkajinya sebelum dilaksanakan
- Menyimpan rahsia kumpulan
- Bekerja sebagai satu kumpulan dan berkongsi pengalaman dalam melaksanakan tugas
- Perlu mempunyai sikap fikiran terbuka dan rasional
- Konsep bekerjasama dan setiakawan
- Jangan berpecah belah dan perlu bekerjasama jika tujuan yang hendak dicapai adalah sama
- Menilai diri sendiri berdasarkan kekuatan dan kelemahan yang ada dan memperbaiki sebarang kelemahan tersebut
- Berazam memperbaiki diri sendiri supaya berdaya maju, dan
- Menghargai segala usaha yang telah dilakukan oleh orang lain seperti mana kita sendiri mahu dihargai.

Kursus tersebut nyata sungguh baik untuk semua kakitangan selaras dengan objektif Universiti untuk meningkatkan taraf mutu perkhidmatan kakitangannya. Pembangunan kakitangan tidak akan dapat dilaksanakan sekiranya kakitangan berkenaan tidak mengenali dirinya yang sebenar. Dengan itu, kursus ini adalah wajar dan tepat untuk mencapai tujuan tersebut.

1991 JOINT LAS/PPM CONGRESS

Pada 2-4 September 1991, tujuh orang kakitangan ikhtisas telah menghadiri Persidangan tersebut di Westin Stamford & Westin Plaza Hotel, Singapura.

Mereka terdiri dari Tang Wan Fong, Fawzia Dawood, Mohd. Pisol Ghadzali, Sofiah Hashim, Rugayah Ali, Foyziah Ahmad Nasuruddin dan Norma Bahri.

Persidangan dwitahunan ini yang dianjurkan oleh Library Association of Singapore dan Persatuan Perpustakaan Malaysia bertemakan *Information Services in the 90's*.

Lebih 20 kertas kerja telah dibentangkan dalam sesi-sesi ini:

- *Information industry in the nineties*
- *Impact of new technologies*
- *Quality of information: the critical factors*
- *Value of information services
Commercialisation of library/
information services*
- *Developments in online information retrieval*
- [Country papers]



KURSUS PENGENALAN KEPADA ALAT MEDIA BARU

Kamal Puteh telah mengikuti kursus tersebut di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, pada 2-4 September 1991.

Antara perkara-perkara yang ditekankan semasa kursus ialah:

- Peranan penting alat/bahan media dari segi pembelajaran
- Penjagaan yang betul kepada alat/bahan media
- Penggunaan betul setiap jenis alat/bahan media dan
- Contoh-contoh alat/bahan media yang kerap digunakan masa kini.

Lawatan sambil belajar juga diadakan ke CIAS dan Perpustakaan Universiti Pertanian Malaysia.

BENGKEL SEHARI NILAI-NILAI PENGURUSAN MALAYSIA

Yeoh Hoong Kheng dan Noor Ida Yang Rashdi telah menghadiri Bengkel tersebut di Hotel Equatorial, Pulau Pinang pada 7 September 1991. Bengkel dianjurkan oleh Persatuan Wanita untuk Wanita Malaysia.

Bengkel ini cuba memaparkan budaya korporat dalam pengurusan di samping mengenal pasti nilai-nilai budaya bangsa-bangsa di Malaysia yang harus diambil kira supaya pengurus-pengurus dapat mengurus organisasi dengan lebih berkesan.

KUMPULAN KAWALAN MUTU oleh Omar Yusoff

Kumpulan KMK di Perpustakaan ini sekarang ditubuhkan pada pertengahan bulan September 1991. Ia dikenali dengan nama kumpulan 'Ilmu'. Walaupun kumpulan ini wujud lanjutan dari kumpulan KMK 'Sinaran' yang ditubuhkan pada tahun 1988, namun dari segi pengetahuan dan pengalaman, ianya jauh dari sempurna. Hal ini terjadi sebab dari enam orang anggotanya, hanya seorang sahaja yang datang dari kumpulan dahulu. Kumpulan 'Ilmu' dianggotai oleh empat orang Kerani dan dua orang Pembantu Am Rendah. Mereka ialah Amin Razip Hasan (Ketua kumpulan), Omar Yusoff (Setiausaha), Kirubanthan Sundaraju, Shaik Omar Shaik Ismail, Mohd. Yusof Ismail dan Muniandy Rajamanikam. Fasilitator pula ialah Siti Fatimah Hashim.

Kumpulan bermesyuarat pada setiap hari Khamis, jam 3.30-4.30 petang di Bilik

Pelbagaiguna. Pada mesyuarat kedua, kumpulan ini membuat perancangan keseluruhan projek melalui sistem PDCA (*Plan, Do, Check, Action*). Pada peringkat permulaan, kumpulan telah membuat perjumpaan dengan Encik Hussain Yahaya, Bahagian Latihan, Jabatan Pendaftar pada 5 Oktober 1991. Hasil dari perbincangan itu beliau telah bersetuju memberi taklimat dan tunjuk ajar prosedur dan konsep KMK sebenar.

Sesi latihan yang bermula pada Sabtu, 19 Oktober 1991 ini dija lankan setiap hari Sabtu selama sebulan.

Dalam masa yang sama, mesyuarat KMK ketiga telah mengenalpasti 5 masalah besar yang wujud di Perpustakaan untuk diambil tindakan. Melalui Konsep Percambahan Fikiran, kumpulan telah bersetuju memilih masalah 'Kesukaran mengesan buku di Koleksi Bahasa Malaysia' sebagai tajuk projek pertama kumpulan 'Ilmu'.

Pada mesyuarat berikutnya, kumpulan berbincang bentuk-bentuk tindakan untuk mengumpul maklumat dan statistik bagi membuktikan masalah ini wujud.

BENGGKEL KECEMERLANGAN ORGANISASI

Noor Ida Yang Rashdi telah menghadiri Bengkel Kecemerlangan Organisasi pada 16-19 September, 1991 di Pusat Putra, Bangi, Selangor.

Bengkel anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah Program Latihan Bersama Kakitangan Universiti-Universiti Malaysia ini mempunyai objektif-objektif berikut:

- Pendedahan kepada teori dan konsep organisasi dan pentadbiran organisasi
- Pendedahan kepada pentadbiran organisasi badan-badan berkanun yang berbagai bentuk serta budaya korporat
- Menganalisis pentadbiran organisasi universiti masing-masing
- Mencari dan mengemukakan cadangan untuk meningkatkan

kecemerlangan pentadbiran organisasi masing-masing.

Selain dari ceramah-ceramah, peserta-peserta dibawa melawat sebuah institusi korporat (Shell) dan pada sebelah malamnya menghadiri Bengkel SWOT (*Strengths, Weaknesses, Opportunities, Threats*). Di dalam bengkel ini, peserta-peserta diperkenalkan model SWOT dan kemudiannya menjanakan strategi-strategi meningkatkan kecemerlangan organisasi masing-masing.

Seramai 35 orang pentadbir dari universiti-universiti tempatan telah menghadiri Bengkel ini.

LATIHAN PENGGUNAAN SISTEM DOBIS/LIBIS DI PERPUSTAKAAN UIA

Yeoh Hoong Kheng dan Noorizan Haji Abdul Hamid telah menjadi jurulatih latihan pengkatalogan dengan menggunakan Sistem DOBIS/LIBIS di Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Petaling Jaya, Selangor. Program perundingan untuk IBM ini dijalankan pada 16-19 September 1991. Lapan orang pelatih yang terlibat adalah dari Bahagian-bahagian Katalog, Media, Siri dan Rujukan Perpustakaan UIA.

Mohd. Pisol Ghadzali pula telah mengendalikan satu latihan untuk Modul Sirkulasi pada 21-25 Oktober 1991. Seramai sepuluh orang Kakitangan Ikhtisas Perpustakaan UIA telah mengikuti latihan kali ini.

CERAMAH MENGENAL PERPUSTAKAAN

Sempena sambutan Maulud Nabi pada 28 September 1991 di Sekolah Kebangsaan Permatang Pauh, satu sesi telah diperuntukkan untuk ceramah "Mengetahui Perpustakaan dan bagaimana menggunakan koleksi perpustakaan dengan sebaiknya."

Ceramah oleh Siti Fatimah Hashim ini diberikan kepada pelajar-pelajar tahun 5 dan 6 Sekolah tersebut. Di antara penerangan yang diberikan ialah:

- jenis-jenis perpustakaan
- tujuan diadakan perpustakaan

- koleksi perpustakaan, dan
- pengelasan.

Penerangan mengenai bagaimana menggunakan koleksi perpustakaan dengan sebaiknya telah disampaikan oleh Encik Yusof Khan Loth Khan dari Jabatan Pendidikan, Pulau Pinang.



LAWATAN KPPP KE KEDAH DAN PERLIS

Pada 29 September 1991, Kumpulan Pustakawan Pulau Pinang (yang ahlinya ramai terdiri dari Kakitangan Ikhtisas Perpustakaan ini) telah membuat lawatan sehari ke Kedah dan Perlis.

Di Kedah, Perpustakaan Universiti Utara Malaysia menjadi tumpuan sementara di Perlis pula ialah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri.

KURSUS M.SC (INFORMATION MANAGEMENT)

Mulai 1 Oktober 1991, Salmah Mohd. Noor telah melanjutkan pengajiannya di peringkat Sarjana dalam bidang *Information Management*. Beliau dijangka tamat pengajiannya dalam masa 1 1/2 tahun di University of Sheffield, England.

KEMPEN MENCEGAH KEBAKARAN

Kempen Mencegah Kebakaran peringkat negeri telah dirasmikan oleh TYT Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang pada 15 Oktober 1991 di USM. Sembilan orang kakitangan Perpustakaan juga mengambil bahagian dalam perbarisan dan demonstrasi mencegah kebakaran. Mereka terdiri dari Zulkifli Hashim, Yeoh Teik Guan, Ahmad Nasu ruddin Ahmad, Sharifuddin Abdul Rahim, Kamaruddin Bidin, Nor Adzam Baba, S. Sandanadass, Redhowan Abdul Rani dan Vijayasekaran.

IDRC COURSE CO-ORDINATORS' MEETING

Encik Lim Chee Hong dan Yeoh Hoong Kheng telah menghadiri "IDRC Course Co-ordinators' Meeting for Information Management Series" pada 21-23 Oktober 1991 di Perpustakaan dan juga di Bayview Pacific Beach Resort.

"The main focus of the meeting was a discussion on the comprehensive evaluation of the 3 training courses under the broad theme of information management: indexing and abstracting; information repackaging & consolidation; library/information centre automation. The conceptual and logical framework which form the basis of the evaluation, draft of the evaluation questionnaire, logistics, etc. were finalised. An important issue raised was the long term sustainability of these courses".

INDEXING & ABSTRACTING TRAINING COURSE

Mary Vergis akan menghadiri kursus tersebut yang dianjurkan oleh AIBA (*Agricultural Information Bank for Asia*) pada 18 November hingga 6 Disember 1991, di Los Banos, Laguna, Filipina.

LATIHAN AMALI DI PERPUSTAKAAN

Siti Roudhah Mohamad Saad, seorang pelajar Diploma Lepas Ijazah Sains Perpustakaan dari Institut Teknologi MARA akan menjalani latihan praktik di Perpustakaan mulai 18 November hingga 28 Disember 1991.

" Having talent

is one thing,

letting

the world

know about it

is another."

Michael Schwab

Berita ASTAKA

ASTAKA telah mengadakan jamuan perpisahan dan meraikan kakitangan baru pada 30 Oktober 1991. Kakitangan baru yang diraikan ialah Siti Fauziyah Jamaluddin dan Othman Ishak. Sementara yang akan berhenti perkhidmatan ialah Bee Said, Zainab Abdul Kader, Sakinah Che Embi dan Khoo Beng Choo. Seramai 85 orang kakitangan Perpustakaan dan ahli bersekutu telah hadir.

SUKAN

Badminton

Pertandingan Badminton ASTAKA telah diadakan pada 20 Oktober 1991 dan 27 Oktober 1991. Berikut ialah keputusan pertandingan tersebut:

Perseorangan

Johan

Zainordin Abdul Rahman

Naib Johan

Abdul Basher Abdullah

Tempat Ketiga

Nor Azilan Nordin

Bergu

Johan

Mustapha Ismail/Wan Teow Seng

Naib Johan

Omar Charkim/Md Noor Din

Tempat Ketiga

Goon Kuang Ok/Mohd Nasir Khan

Bergu Campuran

Johan

Ahmad Nasaruddin/Roshimah Hassan

Naib Johan

Mustapha Ismail/Mary Vergis

Bolasepak

Beberapa perlawanan telah diadakan:

ASTAKA lwn SHBP (September.)
3 - 2 Menang

ASTAKA lwn Malayan Banking
(September.) 2 - 3 Kalah

ASTAKA lwn Penanti Seb. Perai (14
Oktober.) 2 - 1 Menang

ASTAKA lwn Motorola (16 Oktober.)
0 - 3 Kalah

ASTAKA lwn Veteran USM (22
Oktober.) 4 - 1 Menang

ASTAKA lwn MAS (29 Oktober.)
1 - 3 Kalah

Olahraga

S. Munusamy telah dipilih sebagai jurulatih larian jarak jauh dan sederhana bagi pelajar USM untuk sukan Olahraga Antara Universiti (MAKSUM) yang telah diadakan di ITM pada 5-6 Oktober 1991.

PRESIDEN ASTAKA BERSARA

Pada 30 Oktober 1991, Zainab Abdul Kader, Presiden ASTAKA yang bersara secara pilihan telah menyerahkan tugas Presiden ASTAKA kepada Mohd. Pisol Ghadzali selaku Naib Presiden ASTAKA. Mohd. Pisol Ghadzali akan memangku jawatan Presiden ASTAKA hingga Mesyuarat Agung ASTAKA yang dijadualkan pada akhir Disember 1991.

BERITA DARI KELANTAN

ASTAKA Cawangan Kelantan telah mengadakan "BBQ" pada 28 Mei 1991 bertempat di Pantai Sri Tujuh, Tumpat, mulai jam 8.30 pagi hingga 2.00 petang. Ia bertujuan untuk beramah mesra di kalangan ahli dan keluarga ASTAKA sambil berehat dan menjamu selera. Seramai lebih kurang 50 orang ahli serta keluarga telah menghadiri perkelahan tersebut.

Hal-ehwal Kakitangan

BERHENTI PERKHIDMATAN

Selamat maju jaya dan jangan lupa kirim berita!

Bersara

Bee Said (31 Disember 1991)

Bersara pilihan

Zainab Abdul Kader (31 Oktober 1991)

Khoo Beng Choo (31 Disember 1991)

Ke Perpustakaan PORIM

Sakinah Che Embi (30 November 1991)

KELAHIRAN

Selamat menimang cahaya mata!

Fazlina Mohd Rouse
Anak Perempuan (6 Ogos 1991)

Che Mat Suid
Kembar Lelaki (6 Oktober 1991)

Zaiton Ahmad
Anak Lelaki (8 Oktober 1991)

Amin Razip Hassan
Anak Perempuan (17 Oktober 1991)

Arina Abdullah (Cawangan Perak)
Anak Perempuan

KENAIKAN PANGKAT

Syabas dan tahniah diucapkan!

Kerani Rendah ke Kerani
Shaik Omar Shaik Ibrahim
Mat Noor Md Zain (Cawangan Perak)
Rahimi Yahaya (Cawangan Perak)

Jurutaip ke Jurutaip Kanan
Asnah Ali

Juruteknik Rendah ke Juruteknik
Kamaruddin Bidin


S. Sandanadass
Abdul Rahim Ahmad Ludin
Abdul Razak Zainuddin

Penerbit (Sambilan) ke
Penerbit (Tetap)
Fazlina Mohd Rouse
Awatif Ahmad



Ruangan RESEPI ditangguhkan.

Personaliti



ABDUL

RASHID

BABA

Beliau bertugas tidak mengira waktu - pagi, petang, malam malahan kadang-kadang hari cuti pun kita dapati beliau di terminal komputer. Beliau yang dimaksudkan ialah Abdul Rashid Baba.

Rashid mula bertugas di Perpustakaan pada 8 Oktober 1990, sebagai Juruanalisa Sistem. Sebelum itu beliau bertugas di Pusat Komputer USM. Ramai yang mengatakan Rashid seorang yang pendiam, tetapi sebenarnya apabila berbual dengannya, beliau sungguh mesra dan ramah sekali.

Rashid dilahirkan 32 tahun lalu di Kampung Tengah, Air Kuning Selatan, Gemas, Negeri Sembilan. Orang noghorilah... Beliau mula bersekolah di Sekolah Kebangsaan Gemas, kemudian memasuki Sekolah Menengah Sains Negeri Sembilan, Matrikulasi UKM di Jitra, Kedah, UKM Cawangan Sabah dan UKM Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Atas hasil usaha beliau yang gigih itu, beliau telah dikurniakan Ijazah dalam bidang Statistik pada tahun 1982. Pelajaran beliau tidak terhenti disitu, seterusnya beliau telah menyambung pelajarannya di University of Aston, Birmingham, UK dan berjaya mendapat *Diploma in Systems Analysis* pada tahun 1983. Dari senyumannya itu, jelas terbayang satu kepuasan dalam dirinya bagi mencapai cita-citanya. Rashid telah pun mendirikan rumah-tangga pada 19 Mac 1983 dengan Noraini Ali. Hasil perkongsian hidup beliau dengan Cik Mek Molek dari Kelantan itu, beliau telah dikurniakan tiga orang anak, iaitu Abdul Muhaimin (7), Nurul Aainaa (5) dan Abdul Haziq (9 bulan). Apabila ditanya apakah cukup tiga orang saja?

Beliau tersenyum dan menjawab "*More than three*".

Rashid tidak suka membuang masa begitu saja pada waktu lapang. Beliau suka menghabiskan masa rehat di rumah bermain dengan anak-anak, kadang-kadang membawa mereka bersiar-siar ke tempat-tempat yang istimewa. Hobinya ialah mengemas rumah di samping membaca, mendengar muzik dan menonton TV. Alahai... alangkah bertuahnya mendapat suami yang suka mengemas rumah.

Mengenai masakan, Rashid tidaklah cerewet tapi kalau makanan yang pedas-pedas dan menyelerakan, 4 pinggan ranap.

Rashid suka dengan cara hidup yang simple. "Dalam mengharungi hidup ini" katanya, "setiap manusia mempunyai kesilapan. Tetapi manusia harus belajar dari kesilapan dan pengalaman itu. Kejayaan tanpa usaha adalah ibarat mengharap yang mustahil menjadi nyata. Setelah berjaya haruslah pula berbakti kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara." Inilah prinsip atau falsafah hidup yang menjadi pegangannya selama ini.

Apabila ditanya bagaimanakah perasaan beliau sejak bekerja di Perpustakaan, beliau termenung sejenak, sambil tersenyum mengatakan, "Saya sungguh seronok bekerja di sini. Perpustakaan ini merupakan suatu keluarga yang besar dan mempunyai 'kerenah'nya yang tersendiri. Bagi saya, setiap kakitangan di Perpustakaan ini adalah penting dan mempunyai peranan masing-masing. Kita adalah seperti aur dengan tebing yang saling memerlukan antara satu dengan lain dan bantu membantu dalam tugas masing-masing. Masih banyak lagi perkara yang perlu saya pelajari di Perpustakaan ni. Walau bagaimanapun kita harus menyediakan perkhidmatan yang ter baik untuk semua kerana perpustakaan adalah nadi kepada gedung ilmu. Terima kasih kepada mereka yang telah memberikan kerjasama semasa saya bertugas di sini dan sikap dedikasi mereka sangat-sangat saya hargai."

Sumber Ilham

PERJUANGAN KU BELUM SENJA

(untuk Tabung Kemajuan Kerjaya
Kakitangan Perpustakaan)

I.

TKKKP

*Janji dan sumpah
Ku pacakkan di hati
Pada perjuanganku
yang belum senja
Meredah belantara cita
Biar berkecai otakku
biar putih rambut ku -
dimamah usia
biar hancur tubuh ku -
dihempas cabaran
Namun perjuangan ku
tetap berkaca di hati
pada segulung ijazah*

II.

*Esok
akan ku merangkak
di taman Pustaka
biar berdarah kaki ku
ditikam onak-onak
menggali akar-akar ilmu
yang rendang di taman Pustaka
agar kekosongan dada ku
dipenuhi ilmu
untuk sebuah 'NAMA'
seorang Graduan*

III.

TKKKP

*Janji dan sumpah
Tetap berdarah di hati
Andainya ku gugur
Keramatkan ia di bumi Pustaka
agar perjuangan ku
tidak diagihkan
sebelum fajar menyinsing*

ZEEY

